



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30/12/2018

# Tun M, BERSATU dan hala tuju penuh harapan

BH - 30/12/2018 w/s: 11

usa, tahun baharu akan bermula dan meninggalkan 2018 bersama pelbagai kisah suka duka, kejutan dan lakaran sejarah baharu di luar jangka.

Pasti antara episod 2018 yang paling diingati ialah kembalinya ke puncak kuasa seorang insan popular dalam persada politik tanah air dan dikenali seantero dunia.

Pasti juga di luar jangkaan majoriti, insan mencecah usia 93 tahun mampu menerajui gerakan mengajak rakyat menggunakan mandat menumbangkan kerajaan yang sudah memerintah selama enam dekad.

Biarpun diperlekeh lawan, dianggap bukan lagi negarawan oleh pihak lawan dan penyokong yang menjadi mangsa 'serangan', aura insan berkenaan tiada siapa dapat nafikan.

Sebelum Mei lalu, teruk beliau dibidas sehingga asal usul keturunannya turut diperbahar, segala taktik dan 'teknik' diguna musuh untuk serangan balas.

Satu demi satu 'gula-gula' untuk rakyat diumumkan lawan yang ketika itu menjadi kerajaan dengan harapan terus mendapat mandat pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Namun, harapan untuk melawan negarawan itu ber-noktah dengan kekecewaan,



**Ahmad Naim Tahir**  
Pengarang Berita Kanan,  
Rencana dan Laporan Khas BH  
ahmadnaim@bh.com.my

status selaku kerajaan gagal dipertahankan dek hebatnya rakyat punya penangan.

Hebatnya tentangan diterima, namun Tun Dr Mahathir Mohamad berjaya kembali sebagai ketua di Putrajaya, mengemudi empat parti politik dalam satu-pakatan yang dulu adalah bekas musuhnyanya.

Status sebagai kerajaan turut melonjakkan nama dan imej parti yang beliau sendiri jadi teraju, Parti Pribumi Bersatu Malaysia atau nama pendeknya, BERSATU.

Parti yang sebelum itu terpaksa merayu agar pendafatarannya tidak dibatal atau dibubar, yang sebelum itu terpaksa membuka kaunter mencari ahli di merata tempat termasuk di pasar, kini menjadi pilihan ramai termasuk dari parti lawan, pilihan pemimpin kecil dan besar.

Dari segi politik, BERSATU boleh dianggap berada di landasan yang betul untuk memperkukuh kedudukan, persoalan yang tinggal, apa pula perancangannya sebagai parti yang membariskan kepemimpinan utama dalam kerajaan.

Lantaran itu, Perhimpunan Agung Tahunannya hari ini dilihat penting untuk rakyat mendapat maklum apa hala tuju BERSATU dengan teras perjuangannya memang beragendakan Bumiputera dan Melayu.

Tentunya amat lega apabila tirai persidangan sayap semalam dibuka dengan jaminan pemimpin muda, Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA) dan SRIKANDI yang mewakili ahli wanita, bahawa agenda Melayu dan Islam akan dipertahan dan diperkukuhkan.

Lega bertambah apabila Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut memberi penegasan sama.

Pasti rakyat terutama orang Melayu berharap apa yang diperkata, dibahas dan dirumus BERSATU pada persidangannya di Putrajaya bukan sekadar kata-kata, bukan setakat gah berucap atas pentas perhimpunan tetapi kemudian semuanya berlalu begitu sahaja.

Bermula hari pertama tahun baharu pada Selasa, berusaha lah kotakan apa yang dikata. Jadikan apa yang berlaku sepanjang 2018 sebagai teladan, mulakan 2019 dengan agenda memenuhi harapan.